

UniMAP TUBUH TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN

ARAU - Kira-kira 3,000 kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini mengadakan perhimpunan aman bagi menyuarakan bantahan terhadap tindakan Israel yang berterusan menyerang bumi Palestin.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, bantahan yang diadakan itu bagi menggambarkan suara dan isi hati warga UniMAP berikutan keganasan yang dilakukan rejim Zionis terhadap bangsa di Palestin tanpa sebarang simpati.

Katanya, UniMAP juga melancarkan Tabung Khas Bantuan Rakyat Palestin dalam usaha meringankan beban yang ditanggung masyarakat di sana terutama orang awam dan kanak-kanak.

“Pada perhimpunan ini juga risalah diedarkan bagi menyambut usaha memboikot barangan yang dikeluarkan Amerika Syarikat (US) dan Israel untuk memberikan tekanan ekonomi terhadap kedua-dua negara.

“Dalam usaha bagi mengutip dana tabung khas ini kita juga akan mencadangkan sekiranya kakitangan UniMAP bersedia untuk melakukan pemotongan gaji dalam usaha membantu masyarakat Palestin yang kini nyata tertindas,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Penutupan Program Jalan Kaki dan Bantahan Aman di Kampus Tetap UniMAP di Ulu Pauh di sini.



Terdahulu lebih 2,000 pelajar tahun satu UniMAP berjalan kaki sejauh 23.21 kilometer bermula daripada Maktab Rendah Sains Mara, Beseri menuju ke Kampus Tetap UniMAP Ulu Pauh bagi memenuhi kursus wajib universiti tersebut yang dikenali sebagai 7 Pillars.

Menurutnya, kutipan dana itu kemudiannya akan diserahkan kepada Canselor UniMAP, DYT M Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebelum disampaikan kepada pihak berkaitan bagi mangsa keganasan Israel.

Sementara itu beliau memberitahu, kursus 7 Pillars bukan bertujuan mendera pelajar tetapi lebih kepada membantu dan melahirkan pelajar universiti yang cerdas, cergas serta mempunyai ketahanan mental yang tinggi.

“Dengan berjalan kaki sejauh ini juga kita kita dapat menyelami sedikit kepayahan rakyat Palestin yang saban hari lebih menerima tekanan yang lebih hebat apabila dihujani peluru berpandu dan bom rejim Israel,” jelasnya.